

Pertembungan adat, budaya

PERKARA ini diakui oleh Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Anuar Puteh.

Tegas beliau, bukan perkara mudah bagi mualaf untuk menukar adat dan budaya yang menjadi kebiasaan terutama pada peringkat awal penghijrahan kepada Islam.

"Berdasarkan kajian dan penyelidikan terhadap kehidupan saudara baharu, perkara utama melibatkan adat dan budaya menjadi cabaran kepada mereka untuk mengaplikasikan berikutan ia sudah sebatan dan berakar umbi dalam diri.

"Golongan ini juga berhadapan dengan *mehnah* (ujian) dan tribulasi atau kesengsaraan yang menyebabkan tekanan kepada psikologi dan emosi. Oleh itu, sokongan amat diperlukan supaya mereka dapat menjalani kehidupan sebagai Muslim dalam keadaan selesa.

"Namun, jarang saya temui kumpulan saudara baharu yang berada dalam keadaan selesa daripada pada mula mereka menukar agama. Biasanya mereka tidak akan dilayan baik oleh keluarga dan sanak-saudara mereka," katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk "Masalah dan Cabaran Saudara Baharu - Demi Sebuah Akidah.

Program itu bersempena Muzakarah Kebangsaan Isu Mualaf di



ANUAR PUTEH

MEMBACA merupakan antara kaedah terbaik untuk mualaf menambah ilmu tentang agama Islam. - GAMBAR HIASAN



Malaysia siri pertama yang membawa isu pertembungan adat budaya dalam kalangan Mualaf di Malaysia di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

CABARAN

Tambah Anuar, cabaran utama yang perlu dihadapi oleh saudara baharu apabila memilih Islam sebagai jalan hidup mereka adalah penyingkiran daripada kaum keluarga dan masyarakat asal.

"Secara umum mereka menganggap menukar agama kepada agama Islam adalah perbuatan yang amat dibenci kerana beranggapan Islam hanyalah agama untuk orang Melayu. Ia dianggap satu bentuk pengkhianatan dan penghinaan kepada keturunan dan perjuangan bangsa kerana dianggap memutuskan tali kekeluargaan.

"Lantaran itu ada dalam kalangan mereka yang disingkirkan oleh keluarga dan masyarakat. Walaupun ada yang terus tinggal bersama keluarga, namun mereka seolah-olah disisihkan dari segala aspek.

"Masalah ini bukanlah baharu bahkan telah menjadi satu tradisi yang wujud bersama-sama penerimaan saudara baharu terhadap Islam. Namun, kebelakangan ini, masalah tersebut berkurangan berikutan mungkin kesedaran masyarakat bukan Islam bahawa agama ini tidak membawa kepada permusuhan," katanya.

Anuar berkata, majoriti mualaf pada awal pengislaman mereka turut berhadapan dengan pandangan negatif dan prejudis daripada masyarakat Melayu.

"Kebanyakan orang Melayu menganggap tujuan utama mereka masuk Islam adalah berdasarkan motif dan kepentingan tertentu. Golongan ini turut menghadapi pandangan masyarakat yang mahu melihat mereka hidup dengan mengamalkan keseluruhan amalan dan budaya Melayu.

"Sekiranya mereka mengikut amalan dan budaya Melayu mereka akan mudah diterima oleh masyarakat dan begitu juga sebaliknya. Situasi ini telah berakar umbi dalam masyarakat berikutan mereka menganggap bahawa masuk Islam itu adalah masuk Melayu," katanya.

Ujar Anuar, sebahagian saudara baharu akan menghadapi konflik dalam pekerjaan berikutan bidang tersebut tidak sesuai dengan tuntutan agama.

"Sebahagian mereka berhadapan dengan dilema dalam pekerjaan selepas memeluk Islam seperti bekerja di premis perjudian dan arak. Keadaan ini menyebabkan mereka berada dalam dilema sama ada ingin meneruskan atau mencari pekerjaan baharu.

"Mereka juga mendapat tekanan daripada majikan bukan beragama Islam lantaran mengetahui keislaman mereka sehingga dipecat atau akan berhenti sendiri kerana tidak mampu berhadapan dengan tekanan tersebut," katanya.

Tambahnya, saudara baharu juga akan kehilangan hak untuk mendapatkan harta pusaka sejourus mereka memeluk agama Islam.

"Mereka tidak berhak mewarisi harta pusaka selepas memeluk Islam. Keadaan ini kadang-kadang boleh menjadi serius sehingga menyebabkan mereka kembali kepada agama asal untuk mendapatkan hak pewarisan tersebut.

"Kerana itu dalam Islam golongan mualaf merupakan antara satu daripada lapan asnaf yang berhak menerima bantuan zakat.

"Mereka turut berhadapan dengan cabaran undang-undang bagi saudara baharu yang berumur 18 tahun serta berlaku perebutan jenazah selepas kematian. Masalah perebutan jenazah sering berlaku antara anggota keluarga mereka dengan pihak berkuasa agama Islam," jelasnya.

Katanya, masalah murtad dan unsur-unsur murtad juga wujud dalam kalangan saudara baharu yang boleh dikelaskan kepada dua kategori:

- Memang berniat untuk murtad dan memberikan penjelasan lisan atau bertulis mengenai hasrat mereka kepada pihak berkuasa.
- Tidak melahirkan hasrat untuk murtad tetapi wujudnya unsur-unsur murtad seperti kembali mengamalkan budaya dan agama asal.

Tambah Anuar, dalam situasi ini belum ada maklumat mengenai kes-kes dan bilangan sebenar saudara baharu yang telah murtad tetapi secara umum beberapa punca yang membawa kepada berlakunya murtad dalam kalangan mereka sudah dikenalpasti," jelasnya.

usia untuk memakan pelbagai jenis
sih. - GAMBAR HIASAN

